KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

RINGKASAN EKSEKUTIF

PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

2021 - 2025

KANDUNGAN

1 PERUTUSAN PENGURUSAN TERTINGGI

13 PENGENALAN

14 PENDEKATAN PERANCANGAN STRATEGIK ICT (PerSI)

15 TADBIR URUS PROJEK

16 VISI DAN MISI KKM

17 VISI DAN MISI ICT

19 TERAS STRATEGIK ICT DAN OBJEKTIF

21 PENJAJARAN TERAS STRATEGIK ICT DENGAN HALA TUJU NASIONAL

22 STRATEGI DAN PROGRAM ICT

39 10 INISIATIF UTAMA PSP

41 PELAN PELAKSANAAN

49 PENUTUP

PERUTUSAN
MENTERI KESIHATAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan hidayah-Nya, Pelan Strategik Pendigitalan Kementerian Kesihatan Malaysia (PSP KKM) 2021-2025 dapat dihasilkan dengan jayanya.

Pandemik COVID-19 yang mula melanda dunia dan negara pada tahun 2020 telah memberi kesan kepada kesejahteran hidup rakyat dan keadaan ekonomi negara. Bagi memastikan penularan COVID-19 terkawal, pelbagai langkah dilaksanakan oleh Kerajaan termasuklah dengan menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Akta 342) serta menjalankan proses pengesanan, saringan, pengasingan serta rawatan kepada pesakit COVID-19. Pada masa yang sama, Kerajaan juga mengimbanginya dengan kelangsungan hidup rakyat menerusi pelbagai pakej bantuan dan perangsang ekonomi yang telah diumumkan sepanjang tempoh dua tahun yang lalu.

Walaupun berhadapan dengan cabaran besar dan beban berat, COVID-19 ini juga secara tidak langsung telah membuka suatu ruang pembaharuan menerusi amalan norma baharu apabila transformasi digital menjadi kaedah pemudah cara untuk memenuhi jangkaan pemegang taruh dan pelanggan

"Pengukuhan proses pendigitalan akan mampu membawa transformasi kepada sistem dan perkhidmatan penjagaan kesihatan negara yang seterusnya berupaya mengubah budaya masyarakat dalam urusan seharian dengan KKM"

bagi menjamin sistem penyampaian yang efisien dan efektif. Kini, penggunaan teknologi digital seperti transaksi tanpa tunai atau janji temu dalam talian telah menjadi sebahagian daripada cara hidup yang memerlukan KKM mengubah cara kerja supaya menjadi lebih kreatif, produktif dan responsif.

Justeru itu, penggunaan teknologi digital akan diperkasakan melalui PSP KKM 2021-2025 ini. Pelan ini adalah *blueprint* yang mengandungi garis panduan pelaksanaan projek teknologi digital yang terancang. Pelan ini adalah selaras dengan keutamaan keperluan pengurusan dan operasi KKM bagi tempoh lima tahun yang disokong oleh sistem aplikasi, teknologi, pembangunan sumber manusia dan tadbir urus teknologi digital.

Pengukuhan proses pendigitalan akan mampu membawa transformasi kepada sistem dan perkhidmatan penjagaan kesihatan negara yang seterusnya berupaya mengubah budaya masyarakat dalam urusan seharian dengan KKM. Tambahan pula, cabaran dan beban penyakit masa kini menuntut agar kita lebih berinovasi dengan lebih cepat dan cekap. Justeru, penggunaan teknologi dan kemahiran digital yang lebih luas serta menepati norma baharu kehidupan amat diperlukan. Untuk itu, pelan dan strategi pendigitalan KKM mestilah berupaya menepati harapan tinggi masyarakat dalam memberi manfaat serta kesan baik kepada pembangunan ekonomi dan daya saing negara terutamanya dari sudut kesihatan.

Akhir kata, menjadi harapan agar setiap warga kerja KKM dapat mengenal pasti dan memahami hala tuju teknologi digital yang ditetapkan. Marilah kita bersama-sama memberi komitmen penuh dan berusaha gigih untuk memastikan proses pendigitalan ini dapat direalisasikan dalam memastikan visi dan misi Kementerian dapat terus dicapai pada masa-masa yang mendatang.

Terima kasih

YB KHAIRY JAMALUDDIN
MENTERI KESIHATAN

PERUTUSAN
TIMBALAN MENTERI KESIHATAN I

Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) KKM 2021 - 2025 membina asas untuk mendorong pendigitalan perkhidmatan kesihatan awam di seluruh negara.

Pelan strategik ini bertujuan bagi mencapai perkhidmatan kesihatan digital yang bersepadu, berkualiti dan mampan, serta memantapkan penyampaian perkhidmatan kesihatan melalui ekosistem digital yang kondusif. Empat teras strategik, 13 strategi, 30 program dan 96 aktiviti telah dirangka melalui kajian yang komprehensif dengan penglibatan aktif pelbagai pihak berkepentingan.

Pelaksanaan pelan ini akan memberi manfaat yang besar kepada pengguna perkhidmatan kesihatan awam, khususnya semua lapisan masyarakat, di mana taraf hidup dan kesejahteraan rakyat akan menjadi lebih baik. Bagi pihak kerajaan pula, ia dapat mengoptimumkan sumber, mengembangkan operasi dan menyediakan perkhidmatan yang lebih efisen dan berkesan.

Oleh itu, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat atas usaha dan komitmen tinggi dalam menghasilkan PSP KKM 2021 - 2025 yang komprehensif demi kesejahteraan rakyat.

YB DATO' DR. HAJI NOOR AZMI BIN GHAZALI
TIMBALAN MENTERI KESIHATAN I

PERUTUSAN
TIMBALAN MENTERI KESIHATAN II

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama dalam usaha menyediakan pelan ini.

Pelan ini dirangka untuk merealisasikan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dalam mempertingkatkan sistem penyampaian penjagaan kesihatan ketika kerajaan berusaha menuju Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Saya berharap pelan ini menjadi *Game Changer* kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan dengan memanfaatkan teknologi dan inovasi dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan.

DATUK AGO ANAK DAGANG
TIMBALAN MENTERI KESIHATAN II

PERUTUSAN
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita bangunkan Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) KKM 2021- 2025 dengan jayanya.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah menggembleng tenaga dan memberikan kerjasama untuk sama-sama menyediakan PSP ini. Meskipun kita menghadapi pelbagai cabaran dalam membangunkan dokumen ini semasa pandemik COVID-19, tetapi dengan usaha gigih dan komitmen tinggi yang diberikan oleh semua pihak yang terlibat, kita telah berjaya menghasilkan satu pelan pendigitalan yang komprehensif sebagai perancangan hala tuju strategik ICT di Kementerian ini.

Dengan adanya PSP ini, adalah diharapkan supaya perancangan pendigitalan di Kementerian ini

> **Penggunaan teknologi dan inovasi digital berupaya mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan**

dapat dilaksanakan secara holistik selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mentransformasikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi berpacukan pendigitalan di rantau Asia Tenggara.

Inisiatif melalui penggunaan teknologi dan inovasi digital ini berupaya mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan di Malaysia demi kesejahteraan rakyat.

DATO' SRI MOHD SHAFIQ BIN ABDULLAH
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PERUTUSAN
KETUA PENGARAH KESIHATAN

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan atas kejayaan menghasilkan PSP KKM 2021-2025. Sekalung penghargaan dan ucapan tahniah kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus menghasilkan dokumen ini. Saya pasti pelbagai dugaan telah berjaya ditempuhi tatkala negara sedang berhadapan dengan situasi sukar.

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa komited memastikan perkhidmatan kesihatan untuk rakyat adalah yang terbaik walaupun negara sedang menghadapi cabaran getir memerangi gelombang ketiga pandemik COVID-19 yang semakin meruncing. Perkara ini bersesuaian dengan misi KKM iaitu untuk memastikan sistem kesihatan yang berkualiti tinggi, berinovatif, dan berteknologi tinggi kepada semua rakyat Malaysia. Bagi mempertingkatkan lagi prestasi penjagaan kesihatan yang mampan lagi berkualiti, sistem kesihatan sedia ada perlu melalui proses transformasi seiring dengan perubahan teknologi dan situasi semasa yang agak mencabar ini. Sehubungan itu, PSP

> **Sistem kesihatan sedia ada perlu melalui proses transformasi seiring dengan perubahan teknologi dan situasi semasa**

KKM 2021-2025 merupakan satu pelan komprehensif yang akan membantu merealisasikan usaha murni ini. Pelan ini akan menggariskan hala tuju baharu dalam usaha menambahbaik penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Akhir sekali, saya berharap agar semua pihak dapat bersama-sama berganding bahu melaksanakan inisiatif yang telah dirancang dalam PSP KKM 2021-2025. Dengan kesungguhan dan usaha penuh dedikasi, tidak mustahil Malaysia akan berjaya menghasilkan satu sistem penjagaan kesihatan yang lebih komprehensif dan responsif yang akan menjadi kebanggaan kita.

TAN SRI DATO' SERI DR NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI MAKLUMAT (CIO)

Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menyumbangkan idea dan tenaga bagi menghasilkan Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) 2021-2025.

Pelan ini merupakan satu rangka kerja yang komprehensif ke arah mewujudkan persekitaran penggunaan dan pembangunan ICT yang terancang untuk tempoh lima tahun bermula tahun 2021 hingga 2025.

Pelan ini akan membantu KKM dalam mengenal pasti pelbagai isu, cabaran, kekuatan dan kelemahan pembangunan pendigitalan bagi mewujudkan aplikasi yang bersepadu, cekap dan berkesan menerusi perkembangan teknologi terkini untuk menghasilkan sistem penyampaian perkhidmatan KKM yang berfokus pelanggan, dinamik dan pantas, mengambil kira budaya kerja norma baharu.
YAB Perdana Menteri telah melancarkan MyDIGITAL pada 19 Februari 2021. MyDIGITAL merupakan inisiatif yang melambangkan aspirasi kerajaan untuk mentransformasi Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi yang berpacukan pendigitalan. Justeru, saya berharap PSP KKM 2021-2025 yang dibangunkan dijajarkan dengan inisiatif MyDIGITAL.

Perancangan yang teliti dan strategik merupakan kunci kepada kejayaan dalam setiap program yang dirancang dan dilaksanakan oleh sesebuah organisasi. Justeru, PSP KKM 2021-2025 ini dibangunkan dengan memfokuskan kepada pelaksanaan program berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi bagi menyokong pembangunan dan penambahbaikan sistem aplikasi, pembangunan infrastruktur

> **Warga KKM dapat menggunakan pelan ini dan diaplikasikan secara kreatif dan inovatif bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan KKM memenuhi kehendak pelanggan**

digital, tadbir urus dan pembudayaan pendigitalan bagi membantu golongan sasar Kementerian dan fasiliti serta agensi di bawahnya dalam merealisasikan visi dan misi KKM.

Akhir kata, besarlah harapan saya agar semua warga KKM dapat menggunakan pelan ini dan diaplikasikan secara kreatif dan inovatif bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan KKM memenuhi kehendak pelanggan. Seterusnya, saya berharap semua strategi dan program yang telah dirancang dalam PSP KKM 2021-2025 ini dapat dilaksanakan dengan jayanya selaras dengan visi dan misi KKM.

DATUK HARJEET SINGH HARDEV SINGH
KETUA PEGAWAI MAKLUMAT (CIO)

PERUTUSAN
SETIAUSAHA BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Terima kasih dan tahniah diucapkan kepada semua pihak yang telah menggembleng tenaga untuk menghasilkan dan menerbitkan dokumen Pelan Strategik Pendigitalan Kementerian Kesihatan Malaysia (PSP KKM) bagi tempoh 2021-2025.

4 teras strategik pendigitalan yang terkandung di dalam dokumen PSP KKM 2021–2025 ini diharap akan dapat dijadikan asas dan rujukan untuk merancang pelaksanaan program transformasi dan inovasi pendigitalan perkhidmatan di KKM.

Pelaksanaan pelan tindakan PSP KKM 2021–2025 ini disokong dan dimantapkan melalui penerapan *Enterprise Architecture* (EA) KKM. Artifak EA *high-level* KKM dirangka untuk menjajarkan keperluan pendigitalan perkhidmatan kesihatan dengan memberi gambaran jelas hubungan diantara bisnes dan teknologi ICT. Penerapan EA penting bagi memastikan inisiatif yang dirancang dapat dilaksanakan dengan berkesan untuk mencapai hala tuju pendigitalan perkhidmatan penjagaan kesihatan. Ini adalah kerana sumber ICT dapat digunakan secara optimum dan inisiatif pendigitalan dapat dilaksanakan secara berintegrasi.

> **Penerapan EA penting bagi memastikan inisiatif yang dirancang dapat dilaksanakan dengan berkesan untuk mencapai hala tuju pendigitalan perkhidmatan penjagaan kesihatan**

Semoga PSP KKM 2021–2025 ini dapat dijadikan rujukan dan dilaksanakan dengan jayanya bagi menyokong visi dan misi KKM. Akhir kata, saya amat bersyukur kerana KKM dapat merangka satu pelan perancangan yang komprehensif sebagai kesinambungan dalam mempertingkatkan penggunaan ICT ke arah pendigitalan perkhidmatan penjagaan kesihatan seiring dengan norma baharu pasca pandemik COVID-19 yang selaras dengan inisiatif MyDigital.

FAZLINA HASHIM
SETIAUSAHA BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

PENGENALAN

Pelan Strategik Pendigitalan Kementerian Kesihatan Malaysia (PSP KKM) 2021-2025 merupakan perancangan inisiatif ICT sejajar dengan hala tuju Pelan Strategik KKM 2021-2025 dan menyokong agenda ICT sektor awam yang digariskan dalam Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021 hingga 2025. Pembangunan PSP KKM 2021-2025 memberikan hala tuju strategik ICT dan rangka kerja yang diperlukan untuk meningkatkan sistem perkhidmatan digital yang menuju ke arah perkhidmatan penjagaan kesihatan yang cekap, meningkatkan produktiviti dan penyampaian perkhidmatan selaras dengan keperluan strategi perkhidmatan KKM bagi tempoh 2021 sehingga 2025.

PSP KKM 2021-2025 merupakan Pelan Strategik ICT yang keempat. Pelan Strategik ICT KKM yang pertama dibangunkan bagi tempoh 2005 hingga 2010, yang kedua dibangunkan bagi tempoh 2011 hingga 2015 dan yang ketiga dibangunkan bagi tempoh 2016 hingga 2020. Pelan Strategik ICT KKM yang keempat bagi tempoh 2021 hingga 2025 disediakan kerana Pelan Strategik ICT KKM Tahun 2016 hingga 2020 telah tamat tempoh dan perancangan ICT yang baharu perlu disediakan.

PSP KKM 2021-2025 dibangunkan secara dalaman dengan khidmat rundingan daripada Unit Perundingan Perancangan Strategik ICT, Bahagian Perundingan ICT di MAMPU yang telah menggabungkan pendekatan Perancangan Strategik ICT dan *Enterprise Architecture* (EA).

PENDEKATAN PERANCANGAN STRATEGIK ICT (PerSI)



Perancangan Strategik ICT (PerSI) telah digunakan sebagai pendekatan untuk membangunkan Pelan Strategik Pendigitalan KKM 2021 - 2025.

TADBIR URUS PROJEK

Bagi memastikan keberkesanan serta kejayaan pelaksanaan projek pembangunan PSP KKM ini, satu struktur tadbir urus telah diwujudkan seperti berikut:



VISI DAN MISI KKM

VISI

Negara menggembleng tenaga ke arah kesihatan yang lebih baik

MISI

Misi Kementerian Kesihatan adalah untuk menerajui dan berusaha bersama-sama:

i) untuk memudahkan dan membolehkan rakyat:

- mencapai sepenuhnya potensi mereka dalam kesihatan
- menghargai kesihatan sebagai aset paling berharga
- mengambil tanggungjawab dan tindakan positif demi kesihatan mereka

ii) untuk memastikan sistem kesihatan berkualiti tinggi iaitu:

- mengutamakan pelanggan
- saksama
- tidak membebankan
- cekap
- wajar mengikut teknologi
- boleh disesuaikan mengikut persekitaran
- inovatif

iii) dengan menekankan:

- sifat penyayang, profesionalisme dan kerja berpasukan
- sifat menghormati maruah insan
- penglibatan masyarakat

VISI DAN MISI ICT

Pelan Strategik Pendigitalan Kementerian Kesihatan Malaysia (PSP KKM) 2021-2025 merupakan perancangan inisiatif ICT sejajar dengan hala tuju Pelan Strategik KKM 2021-2025 dan menyokong agenda ICT sektor awam yang digariskan dalam Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021 hingga 2025. Pembangunan PSP KKM 2021-2025 memberikan hala tuju strategik ICT dan rangka kerja yang diperlukan untuk meningkatkan sistem perkhidmatan digital yang menuju ke arah perkhidmatan kesihatan yang lebih cekap, meningkatkan produktiviti dan penyampaian perkhidmatan selaras dengan keperluan strategi perkhidmatan KKM bagi tempoh 2021 sehingga 2025.

VISI ICT

PERKHIDMATAN KESIHATAN DIGITAL YANG BERSEPADU, BERKUALITI DAN MAMPAN

MISI ICT

MEMANTAPKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KESIHATAN MELALUI EKOSISTEM DIGITAL YANG KONDUSIF

TERAS STRATEGIK ICT DAN OBJEKTIF

4 TERAS STRATEGIK ICT

01 PEMERKASAAN PERKHIDMATAN KESIHATAN BERSEPADU DAN INKLUSIF

02 KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN DIGITAL YANG MAMPAN DAN SELAMAT

03 TADBIR URUS DIGITAL DINAMIK DAN TANGKAS

04 PEMERKASAAN, PELUASAN DAN PEMBUDAYAAN PENDIGITALAN

TERAS STRATEGIK ICT DAN OBJEKTIF

TERAS	OBJEKTIF
Pemerkasaan Perkhidmatan Kesihatan Digital Bersepadu dan Inklusif	Memperkukuhkan sistem penyampaian kesihatan digital Melonjakkan analitik dan kepintaran data dalam perancangan dan pembangunan dasar Memanfaatkan *emerging technologies* untuk memacu penyampaian perkhidmatan kesihatan Memperkukuhkan pengurusan dan penyelarasan data kesihatan
Kesinambungan Perkhidmatan Digital Yang Mampan Dan Selamat	Memantapkan infrastruktur digital bagi menyokong adaptasi teknologi baharu Memperkukuhkan keselamatan ICT bagi menjamin tahap privasi, kerahsiaan dan ketersediaan maklumat
Tadbir Urus Digital Dinamik dan Tangkas	Menggubal dan menambah baik polisi ICT sedia ada supaya sentiasa relevan dengan persekitaran perkhidmatan kesihatan Melebarluaskan jalinan kolaborasi strategik untuk menggembleng kepakaran awam dan swasta dalam meningkatkan perkhidmatan kesihatan
Pemerkasaan, Peluasan dan Pembudayaan Pendigitalan	Memantapkan warga KKM yang berpengetahuan, berkemahiran digital dan diiktiraf Mengoptimumkan tahap potensi dan penggunaan perkhidmatan digital Memperkasakan pembudayaan perkhidmatan digital secara menyeluruh Mengiktiraf inovasi digital yang berjaya meraih anugerah dan pengiktirafan di pelbagai peringkat Meningkatkan keupayaan penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R,D&C) kesihatan digital

PENJAJARAN TERAS STRATEGIK ICT DENGAN HALA TUJU NASIONAL

Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) KKM 2021-2025 telah dijajarkan dengan Pelan Strategik KKM 2021-2025 dan menyokong dasar-dasar Kerajaan seperti yang digambarkan di bawah.

WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030

AGENDA PEMBANGUNAN MAMPAN

RMKE-12 : MEMPERTINGKAT PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN PENJAGAAN KESIHATAN

OBJEKTIF STRATEGIK SEKTOR KESIHATAN

Memperkukuhkan Mekanisma Kesiapsiagaan dan Intervensi bagi Mengurangkan Kadar Kematian dan Kecacatan yang Boleh Dicegah	Memantapkan Penyampaian Perkhidmatan Kesihatan yang Berkualiti, Mampan, Saksama dan Mampu Milik	Memperkukuhkan Tahap Literasi Kesihatan di Kalangan Penduduk	Meningkatkan Penggunaan Perkhidmatan Kesihatan Digital

TERAS STRATEGIK PELAN STRATEGIK KKM 2021-2025

TS 1	TS 2	TS 3	TS 4
MEMPERKEMAS PERKHIDMATAN PENJAGAAN KESIHATAN	MEMPERKUKUH PEMBIAYAAN KESIHATAN	MEMPERKUKUH KESEDARAN KESIHATAN DAN PEMERKASAAN MASYARAKAT	MEMANFAATKAN TEKNOLOGI DAN INOVASI DALAM PENJAGAAN KESIHATAN

TERAS STRATEGIK PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN (PSP) KKM 2021-2025

TS 1	TS 2	TS 3	TS 4
PEMERKASAAN PERKHIDMATAN KESIHATAN DIGITAL BERSEPADU DAN INKLUSIF	KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN DIGITAL YANG MAMPAN DAN SELAMAT	TADBIR URUS DIGITAL DINAMIK DAN TANGKAS	PEMERKASAAN, PELUASAN DAN PEMBUDAYAAN PENDIGITALAN

STRATEGI DAN PROGRAM ICT

Sebanyak 13 strategi dan 30 program telah dirancang demi merealisasikan proses pendigitalan perkhidmatan penjagaan kesihatan di Kementerian dalam tempoh lima tahun dari 2021 hingga 2025.

1. **Pemerkasaan Perkhidmatan Kesihatan Digital Bersepadu dan Inklusif** — 4 STRATEGI, 7 PROGRAM
2. **Kesinambungan Perkhidmatan Digital Yang Mampan Dan Selamat** — 2 STRATEGI, 7 PROGRAM
3. **Tadbir Urus Digital Dinamik Dan Tangkas** — 4 STRATEGI, 9 PROGRAM
4. **Pemerkasaan, Peluasan dan Pembudayaan Pendigitalan** — 3 STRATEGI, 7 PROGRAM

TERAS STRATEGIK 1

PEMERKASAAN PERKHIDMATAN KESIHATAN DIGITAL BERSEPADU DAN INKLUSIF

STRATEGI 1

Pengukuhan Perkhidmatan Digital Kesihatan Menyeluruh dan Bersepadu

PROGRAM 1

Pembangunan Sistem Maklumat Kesihatan Bersepadu

- Melaksanakan projek *Electronic Medical Record* (EMR) di hospital dan klinik Kementerian Kesihatan Malaysia di Negeri Sembilan;
- Fasa permulaan untuk projek peluasan *Electronic Medical Record* (EMR) Kebangsaan; dan
- Fasa perancangan dan peluasan bagi Projek Peluasan *Electronic Medical Record* (EMR) Kebangsaan.

PROGRAM 2

Peningkatan dan Peluasan Aplikasi Sedia Ada Serta Pembangunan Aplikasi Baharu

- Melaksanakan peningkatan, peluasan dan pembangunan aplikasi *Person Care, Population Health, Functional Support, Management Services* dan *Pandemic Management.*

TERAS STRATEGIK 1 PEMERKASAAN PERKHIDMATAN KESIHATAN DIGITAL BERSEPADU DAN INKLUSIF

STRATEGI 2

Pemantapan Pengurusan dan Penyelarasan Data

PROGRAM 1

Pengukuhan Inisiatif Data Terbuka

- Mengukuhkan tadbir urus data terbuka KKM; dan
- Menyelaras dan memantau data terbuka KKM.

PROGRAM 2

Pengukuhan Pengurusan dan Kualiti Data

- Mengemaskini *Malaysian Health Data Dictionary* (MyHDD) ke versi 2021 dengan mengadakan sesi libat urus dengan pemegang taruh dan pakar runding MAMPU;
- Ratifikasi MyHDD dan standard informatik kesihatan yang berkaitan (FHIR, *Malaysian Drug Code*, ICHI, SNOMED CT) sebagai piawaian kebangsaan.
- Melaksanakan latihan dokumentasi dan koding ICD-11; dan
- Mengadakan naziran dokumentasi dan koding rekod perubatan.
- Melaksanakan kajian ketepatan dokumentasi dan ralat pengekodan ICD secara tahunan;
- Menyediakan laporan kesihatan menggunakan koding diagnosis ICD-11; dan
- Menaik taraf Sistem Repositori Data Penyelidikan NIH (NIH DaRS).

TERAS STRATEGIK 1

PEMERKASAAN PERKHIDMATAN KESIHATAN DIGITAL BERSEPADU DAN INKLUSIF

STRATEGI 3

Lonjakan Inisiatif Data Analitik

PROGRAM 1

Pengukuhan *Malaysian Health Data Warehouse* (MyHDW)

- Menambah baik fungsi aplikasi *Malaysian Health Data Warehouse* (MyHDW), Sistem Maklumat Rawatan Pesakit (SMRP) dan *Patient Registry Information System* (PRIS);
- Mengukuhkan keselamatan ICT;
- Meningkatkan infrastruktur sedia ada dan migrasi ke Pusat Data Sektor Awam; dan
- Mengintegrasi teknologi *Block Chain* dalam MyHDW.

PROGRAM 2

Pembangunan Ekosistem Analitik Data Raya Kesihatan (*Big Data Analytics*)

- Membentuk dan membangunkan rangka kerja *Big Data Analytics* (BDA) NIH; dan
- Melaksanakan peningkatan *Malaysian Health System Performance Dashboard* (HSPD).

TERAS STRATEGIK 1 PEMERKASAAN PERKHIDMATAN KESIHATAN DIGITAL BERSEPADU DAN INKLUSIF

STRATEGI 4

Adaptasi *Emerging Technologies* atau Revolusi Industri Keempat (IR4.0) Dalam Perkhidmatan Kesihatan

PROGRAM 1

Adaptasi *Emerging Technologies* Dalam Perkhidmatan Kesihatan

- Membentuk rangka kerja adaptasi *emerging technologies* dengan kolaborasi di bawah *National Technology and Innovation Sandbox* (NTIS);
- Membangunkan rangka kerja dan garis panduan untuk program robotik dan dron berkaitan penjagaan kesihatan untuk *medical* dan *non medical*; dan
- Adaptasi *emerging technologies* atau IR 4.0 yang meliputi IoT, *Block Chain*, *Artificial Intelligence*, *Virtual Reality*, *Robotics*, *Drones*, *3D*, *Genomics* dan *Precision Medicine* dalam penyampaian perkhidmatan dan penjagaan kesihatan.

TERAS STRATEGIK 2 KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN DIGITAL YANG MAMPAN DAN SELAMAT

STRATEGI 1

Pengukuhan Infrastruktur Digital

PROGRAM 1

Naik Taraf dan Penyediaan Keperluan Baharu Peralatan ICT di Ibu Pejabat dan Fasiliti Kesihatan

- Melaksanakan perolehan peralatan ICT secara berfasa bagi pertambahan jawatan, penggantian PC dan *notebook* usang (melebihi 10 Tahun) dan keperluan inisiatif ICT generik baharu di tujuh (7) Zon (Pelaksanaan Fasa 1);
- Melaksanakan perolehan peralatan ICT secara berfasa bagi pertambahan jawatan, penggantian PC dan *notebook* usang (melebihi 10 Tahun) dan keperluan inisiatif ICT generik baharu di tujuh (7) Zon (Pelaksanaan Fasa 2);
- Melaksanakan penyelenggaraan PC dan *notebook* berpusat bagi Fasa 1;
- Melaksanakan *Proof of Concept* (POC) *refurbishment* PC dan *notebook* usang (7-9 tahun) di agensi dan fasiliti KKM yang terpilih;
- Melaksanakan peluasan *refurbishment* PC dan *notebook* (7-9 tahun) di agensi dan fasiliti KKM;
- Melaksanakan perkhidmatan pencetakan mesin penyalin digital *(digital copier machine)* di BPM;
- Menyediakan garis panduan perkhidmatan pencetakan di KKM;
- Menaik taraf keperluan peralatan ICT bagi penggunaan aplikasi SMRP di hospital KKM; dan
- *Technology Upgrading* dan *Refreshment* Infrastruktur TPC-OHCIS (PDSA).

TERAS STRATEGIK 2 KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN DIGITAL YANG MAMPAN DAN SELAMAT

PROGRAM 2

Naik Taraf dan Penyediaan Keperluan Baharu Peralatan Rangkaian dan Keselamatan di Ibu Pejabat dan Fasiliti Kesihatan

- Melaksanakan kajian kesauran *(feasibility study)* berkaitan peranti keselamatan *(firewall)* dan kebolehcapaian rangkaian ICT di fasiliti KKM;
- Menyediakan garis panduan perolehan *firewall* dan pengurusan rangkaian ICT KKM;
- Melaksanakan projek naik taraf rangkaian ICT Fasa 1 di sembilan (9) hospital;
- Melaksanakan projek naik taraf rangkaian ICT Fasa 2 di empat (4) hospital;
- Melaksanakan naik taraf pengkabelan UTP di Ibu Pejabat KKM; dan
- Memantapkan rangkaian internet dan keselamatan ICT NIH bagi menyokong pelaksanaan *Big Data Analytics Ecosystem* dan *Cloud Services*.

TERAS STRATEGIK 2 KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN DIGITAL YANG MAMPAN DAN SELAMAT

PROGRAM 3

Naik Taraf dan Penyediaan Keperluan Baharu Pusat Data atau Bilik Server di Ibu Pejabat dan Fasiliti Kesihatan

- Melaksanakan perolehan perkhidmatan *Cloud Storage* di Ibu Pejabat KKM;
- Melaksanakan kajian naik taraf Pusat Data BPM ke arah teknologi hijau di Pusat Data Ibu Pejabat KKM
- Menaik taraf Pusat Data BPM di Ibu Pejabat KKM Fasa 1: Konsolidasi Perkakasan & Sistem Legasi
- Menaik taraf Pusat Data BPM di Ibu Pejabat KKM Fasa 2 : Naik taraf Infrastruktur
- Memantapkan Pusat Data NIH bagi menyokong Big Data Analytics (BDA) Penyelidikan dan Program R, D dan C.

PROGRAM 4

Peluasan Pelan Pemulihan Bencana Bagi Aplikasi Kritikal

- Melaksanakan Kajian Penyediaan Pelan Pemulihan Bencana *(Disaster Recovery Plan)* bagi fasiliti; dan
- Mewujudkan *Data Recovery Centre* (DRC) bagi memastikan kesinambungan operasi NIH dan menjamin keselamatan data.

TERAS STRATEGIK 2 KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN DIGITAL YANG MAMPAN DAN SELAMAT

STRATEGI 2

Pemantapan Teknologi Baharu

PROGRAM 1

Peluasan Inisiatif Akses Secara Maya *(Virtual)*

- Menambah baik Garis Panduan Pelaksanaan Sidang Video *(video conferencing)* KKM;
- Melaksanakan perolehan peralatan klinik maya *(virtual clinic)* di hospital;
- Melaksanakan peluasan klinik maya *(virtual clinic)* di klinik kesihatan dan klinik pergigian; dan
- Merancang pelaksanaan *Infrastructure as Services* (IaaS) dan *Virtualization* di Pusat Data NIH.

PROGRAM 2

Adaptasi Perkhidmatan *Cloud*

- Menyediakan Garis Panduan perkhidmatan MyGovCloud KKM; dan
- Menyedia dan melaksanakan *hybrid cloud*.

PROGRAM 3

Penyediaan Infrastruktur *Emerging Technologies*

- Melaksanakan kajian keperluan infrastruktur ICT untuk menyokong *emerging technologies* mengikut keperluan; dan
- Melaksana dan menggunakan *Internet of Medical Things* (IoMT) dalam bidang penyelidikan.

TERAS STRATEGIK 3 TADBIR URUS DIGITAL DINAMIK DAN TANGKAS

STRATEGI 1

Pemantapan Tadbir Urus Digital

PROGRAM 1

Pemerkasaan Rasionalisasi Tadbir Urus Digital di Semua Peringkat

- Mengemaskini senarai Jawatankuasa tadbir urus ICT;
- Membuat naziran tatacara pelaksanaan projek ICT di JKN;
- Melaksanakan bengkel/ taklimat tadbir urus ICT kepada Ketua Unit ICT IPKKM dan Negeri; dan
- Menambah baik garis panduan tadbir urus ICT dari masa ke semasa mengikut peraturan semasa.

PROGRAM 2

Pemerkasaan Dasar dan Polisi Digital Perkhidmatan Kesihatan

- Menyediakan atau mengemaskini polisi dan prosedur ICT sedia ada;
- Membuat naziran dasar dan polisi digital perkhidmatan kesihatan; dan
- Melaksanakan Program Hari ICT KKM.

PROGRAM 3

Pemantapan Pengurusan Perolehan Digital

- Menyediakan Garis Panduan Perolehan Berpusat Digital untuk skop automasi pejabat *(office automation)* di fasiliti kesihatan.

TERAS STRATEGIK 3 TADBIR URUS DIGITAL DINAMIK DAN TANGKAS

STRATEGI 2

Pemantapan Perkhidmatan Kesihatan Digital Melalui Pendekatan *Enterprise Architecture* (EA)

PROGRAM 1

Pengukuhan Perkhidmatan Kesihatan Digital Melalui Pendekatan *Enterprise Architecture* (EA)

- Membangunkan artifak EA *high-level* KKM untuk menjajarkan keperluan pendigitalan dengan perkhidmatan kesihatan;
- Melaksanakan pembangunan kapasiti EA; dan
- Melaksanakan pengurusan perubahan EA.

PROGRAM 2

Pemantauan Pelaksanaan *Enterprise Architecture* (EA)

- Memantapkan tadbir urus EA;
- Menyediakan spesifikasi pembangunan EA KKM untuk permohonan peruntukan pembangunan;
- Menyediakan artifak untuk repositori EA EMR (Negeri Sembilan); dan
- Membangunkan perkhidmatan kesihatan terpilih dengan penjajaran hala tuju, keperluan dan reka bentuk inisiatif pendigitalan KKM.

TERAS STRATEGIK 3 TADBIR URUS DIGITAL DINAMIK DAN TANGKAS

STRATEGI 3

Pengukuhan Kolaborasi Strategik Digital

PROGRAM 1

Pengukuhan Tadbir Urus Kolaborasi Strategik Digital di Peringkat Awam dan Swasta

- Membangunkan tadbir urus kolaborasi strategik kesihatan digital.

PROGRAM 2

Pelaksanaan Kolaborasi Strategik Digital di Peringkat Awam dan Swasta

- Merangka *Standard Operating Procedure* (SOP) kolaborasi strategik kesihatan digital di pelbagai peringkat; dan
- Melaksanakan kolaborasi strategik kesihatan digital dan inovasi.

TERAS STRATEGIK 3 TADBIR URUS DIGITAL DINAMIK DAN TANGKAS

STRATEGI 4

Pemerkasaan Ekosistem Keselamatan Maklumat

PROGRAM 1

Pemantapan Keselamatan Maklumat

- Menyemak semula Dokumen Keselamatan ICT (DKICT) KKM berdasarkan polisi keselamatan siber, NACSA; dan
- Menyediakan Garis Panduan *Bring Your Own Device* (BYOD).

PROGRAM 2

Pematuhan Dasar Keselamatan Siber

- Melaksanakan *Security Posture Assessment* (SPA) di bawah skop penilaian web/ portal bagi sistem aplikasi dalaman KKM;
- Mengemaskini Garis Panduan Pematuhan Bilik *Server* KKM dan pengurusan penempatan *server* sistem aplikasi di klinik kesihatan;
- Melaksanakan pemantauan perakuan kefahaman DKICT melalui sistem ePatuh; dan
- Melaksanakan *Security Posture Assessment* (SPA) untuk *Electronic Medical Record* (EMR).

TERAS STRATEGIK 4 PEMERKASAAN, PELUASAN DAN PEMBUDAYAAN PENDIGITALAN

STRATEGI 1

Pengukuhan Kompetensi dan Pembudayaan Digital

PROGRAM 1

Pembangunan Rangka Kerja Kompetensi Kesihatan Digital

- Menjalankan kajian untuk mengenal pasti bidang kompetensi kesihatan digital; dan
- Membentangkan dapatan kajian untuk kelulusan pengurusan tertinggi KKM yang bertindak sebagai punca kuasa untuk pelaksanaan kursus.

PROGRAM 2

Pembudayaan Adaptasi Digital Yang Berterusan

- Melaksanakan perolehan sistem peralatan persidangan maya untuk program dan aktiviti MaHTAS.

TERAS STRATEGIK 4 PEMERKASAAN, PELUASAN DAN PEMBUDAYAAN PENDIGITALAN

PROGRAM 3

Pelaksanaan Rangka Kerja Kompetensi Kesihatan Digital

- Membuat perancangan kursus kesihatan digital dan unjuran bilangan warga KKM yang akan dilatih berhubung kesihatan digital;
- Menetapkan bidang kesihatan digital di KKM;
- Mengesan pegawai yang layak dinaik taraf sebagai *Subject Matter Expert* (SME) dalam bidang kesihatan digital;
- Memohon kepada Ketua Perkhidmatan dan JPA berkenaan pengiktirafan SME bidang kesihatan digital;
- Menubuhkan Jawatankuasa Pemantau Pengajaran dan Pembelajaran (PdP);
- Memperkasa pengetahuan Pengajar ILKKM mengenai teknologi terkini PdP dalam industri pendidikan; dan
- Mengadakan program sangkutan bagi pengajar ILKKM menimba pengalaman penggunaan dan adaptasi kaedah PdP secara dalam talian terkini di IPTA/ IPTS.

TERAS STRATEGIK 4 PEMERKASAAN, PELUASAN DAN PEMBUDAYAAN PENDIGITALAN

STRATEGI 2

Pengukuhan Pengiktirafan Inovasi Digital

PROGRAM 1

Penggalakan Secara Berterusan Dalam Penghasilan Inovasi Digital di Semua Peringkat Di KKM (IPKKM, JKN, Institusi dan Fasiliti)

- Mengadakan bengkel/ kursus/ seminar/ taklimat/ lawatan kepada warga KKM untuk meningkatkan kompetensi berkaitan inovasi; dan
- Menyediakan pelaporan tahunan mengenai status pelaksanaan hasil inovasi.

PROGRAM 2

Pengiktirafan Inovasi Digital

- Mengiktiraf Anugerah Inovasi dan Anugerah KIK semasa Sambutan Hari Inovasi;
- Melaksanakan hebahan secara fizikal melalui perhimpunan fizikal dan digital kepada semua warga KKM; dan
- Mencalonkan hasil inovasi ke penyertaan pameran/ ekspo/ pertandingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

TERAS STRATEGIK 4 PEMERKASAAN, PELUASAN DAN PEMBUDAYAAN PENDIGITALAN

STRATEGI 3

Pengukuhan Keupayaan Penyelidikan, Pembangunan Dan Pengkomersialan (R, D & C) Kesihatan Digital

PROGRAM 1

Pemantapan Jalinan Kolaborasi Strategik Dengan Pelbagai Agensi Dalam Bidang R, D & C Kesihatan Digital

- Mewujudkan platform kolaborasi Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) dengan inovator tempatan untuk pengkomersialan.

PROGRAM 2

Pemerkasaan Fungsi Institusi Penyelidikan Kesihatan/ Fasiliti/ Individu Yang Terlibat Dalam R, D & C *Emerging Technologies* Berkaitan Kesihatan Digital

- Melaksanakan *Big Data Analytics (Research)* Ecosystem
- Membangunkan platform digital kepintaran buatan *(Artificial Intelligence)* bagi penjanaan laporan berasaskan bukti saintifik; dan
- Meneruskan langganan pangkalan jurnal saintifik bagi aktiviti *evidence-based medicine* dalam pembentukan laporan.

Terdapat 10 inisiatif utama berimpak tinggi yang akan dilaksanakan di bawah Pelan Strategik Pendigitalan KKM 2021-2025. Inisiaitif ini akan dilaksanakan oleh bahagian/ institusi di KKM dalam tempoh lima tahun yang berfokuskan kepada aplikasi dan data, infrastruktur ICT, tadbir urus ICT dan keupayaan ICT.

10

- **Pelaksanaan *Electronic Medical Record* (EMR) di Negeri Sembilan**
- **Pembangunan Rangka Kerja dan Ekosistem *Big Data Analytics* Untuk Penyelidikan Kesihatan**
- **Pelaksanaan *Cloud Storage* di IPKKM**
- **Penggantian dan *Refurbishment PC* dan *Notebook* di Fasiliti KKM**
- **Adaptasi *Emerging Technologies* dalam Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan**

INISIATIF UTAMA PSP KKM

- Pembangunan Platform Digital *Artificial Intelligence* (AI)
- Pembangunan Garis Panduan ICT
- Pelaksanaan dan Peluasan Klinik Maya
- Pengukuhan Perkhidmatan Kesihatan melalui Pendekatan *Enterprise Architecture* (EA)
- Pewujudan Platform Kolaborasi IR4.0 Tempatan

PELAN PELAKSANAAN 2021 - 2025

TERAS STRATEGIK 1

PEMERKASAAN PERKHIDMATAN KESIHATAN DIGITAL BERSEPADU DAN INKLUSIF

2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025

STRATEGI 1

PENGUKUHAN PERKHIDMATAN DIGITAL KESIHATAN MENYELURUH DAN BERSEPADU

Program 1
Pembangunan Sistem Maklumat Kesihatan Bersepadu

Program 2
Peningkatan dan Peluasan Aplikasi Sedia Ada Serta Pembangunan Aplikasi Baharu

STRATEGI 2

PEMANTAPAN PENGURUSAN DAN PENYELARASAN DATA

Program 1
Pengukuhan Inisiatif Data Terbuka

Program 2
Pengukuhan Pengurusan dan Kualiti Data

TERAS STRATEGIK 1 PEMERKASAAN PERKHIDMATAN KESIHATAN DIGITAL BERSEPADU DAN INKLUSIF

2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025

STRATEGI 3

LONJAKAN INISIATIF DATA ANALITIK

Program 1

Pengukuhan *Malaysian Health Data Warehouse* (MyHDW)

Program 2

Pembangunan Ekosistem Analitik Data Raya Kesihatan *(Big Data Analytics)*

STRATEGI 4

ADAPTASI *EMERGING TECHNOLOGIES* ATAU REVOLUSI INDUSTRI KEEMPAT (IR4.0) DALAM PERKHIDMATAN KESIHATAN

Program 1

Adaptasi *Emerging Technologies* dalam Perkhidmatan Kesihatan

TERAS STRATEGIK 2

KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN DIGITAL YANG MAMPAN DAN SELAMAT

2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025

STRATEGI 1

PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR DIGITAL

Program 1

Naik Taraf Dan Penyediaaan Keperluan Baharu Peralatan ICT Di Ibu Pejabat Dan Fasiliti Kesihatan

Program 2

Naik Taraf Dan Penyediaaan Keperluan Baharu Peralatan Rangkaian dan Keselamatan di Ibu Pejabat Dan Fasiliti Kesihatan

Program 3

Naik Taraf Dan Penyediaaan Keperluan Baharu Pusat Data / Bilik Server Di Ibu Pejabat Dan Fasiliti Kesihatan

Program 4

Peluasan Pelan Pemulihan Bagi Aplikasi Kritikal

TERAS STRATEGIK 2

KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN DIGITAL YANG MAMPAN DAN SELAMAT

2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025

STRATEGI 2

PEMANTAPAN TEKNOLOGI BAHARU

Program 1
Peluasan Inisiatif Akses Secara Maya *(Virtual)*

Program 2
Adaptasi Perkhidmatan *Cloud*

Program 3
Penyediaan Infrastruktur *Emerging Technologies*

TERAS STRATEGIK 3

TADBIR URUS DIGITAL DINAMIK DAN TANGKAS

STRATEGI 1

PEMANTAPAN TADBIR URUS DIGITAL

2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025

Program 1
Pemerkasaan Rasionalisasi Tadbir Urus Digital Di Semua Peringkat

Program 2
Pemerkasaan Dasar Dan Polisi Digital Perkhidmatan Kesihatan

Program 3
Pemantapan Pengurusan Perolehan Digital

STRATEGI 2

PEMANTAPAN PERKHIDMATAN KESIHATAN DIGITAL MELALUI PENDEKATAN *ENTERPRISE ARCHITECTURE* (EA)

Program 1
Pengukuhan Perkhidmatan Kesihatan Digital Melalui Pendekatan *Enterprise Architecture* (EA)

Program 2
Pemantauan Pelaksanaan *Enterprise Architecture* (EA)

TERAS STRATEGIK 3

TADBIR URUS DIGITAL DINAMIK DAN TANGKAS

2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025

STRATEGI 3

PENGUKUHAN KOLABORASI STRATEGIK DIGITAL

Program 1
Pengukuhan Tadbir Urus Kolaborasi Strategik Digital di Peringkat Awam dan Swasta

Program 2
Pelaksanaan Kolaborasi Strategik Digital di Peringkat Awam dan Swasta

STRATEGI 4

PEMERKASAAN EKOSISTEM KESELAMATAN MAKLUMAT

Program 1
Pemantapan Keselamatan Maklumat

Program 2
Pematuhan Dasar Keselamatan Siber

TERAS STRATEGIK 4

PEMERKASAAN, PELUASAN DAN PEMBUDAYAAN PENDIGITALAN

2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025

STRATEGI 1

PENGUKUHAN KOMPETENSI DAN PEMBUDAYAAN DIGITAL

Program 1
Pembangunan Rangka Kerja Kompetensi Kesihatan Digital

Program 2
Pelaksanaan Rangka Kerja Kompetensi Kesihatan Digital

Program 3
Pembudayaan Adaptasi Digital Yang Berterusan

STRATEGI 2

PENGUKUHAN PENGIKTIRAFAN INOVASI DIGITAL

Program 1
Penggalakan Secara Berterusan Dalam Penghasilan Inovasi Digital Di Semua Peringkat

Program 2
Pengiktirafan Inovasi Digital

TERAS STRATEGIK 4

PEMERKASAAN, PELUASAN DAN PEMBUDAYAAN PENDIGITALAN

STRATEGI 3

PENGUKUHAN KEUPAYAAN PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN DAN PENGKOMERSIALAN (R, D & C) KESIHATAN DIGITAL

2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025

Program 1

Pemantapan Jalinan Kolaborasi Strategik Dengan Pelbagai Agensi Dalam Bidang R, D & C Kesihatan Digital

Program 2

Pemerkasaan Fungsi Institusi Penyelidikan Kesihatan/ Fasiliti/ Individu Yang Terlibat Dalam R, D & C *Emerging Technologies* Berkaitan Kesihatan Digital

PENUTUP

Pelan Strategik Pendigitalan Kementerian Kesihatan Malaysia (PSP KKM) 2021-2025 merupakan satu dokumen *blueprint* yang mengandungi empat teras strategik dalam membangun dan mengoptimumkan penggunaan teknologi serta memanfaatkan sepenuhnya pendigitalan ke arah mencapai hala tuju dan objektif strategik penyampaian perkhidmatan kesihatan Kementerian untuk tempoh masa lima tahun.

Faktor kritikal yang dapat menjayakan pelaksanaan *blueprint* ini adalah sokongan dari pihak pengurusan atasan, sumber kewangan, teknologi, pengetahuan dan kepakaran serta kerjasama di antara semua bahagian dan agensi di Kementerian, kerajaan, swasta, industri dan akademik. Melalui komitmen dan kerjasama daripada semua pihak diharapkan supaya semua program yang dirancang dapat dilaksanakan dan memberi impak yang positif kepada kementerian dan rakyat.

Pencapaian program dan aktiviti dalam *blueprint* ini juga akan dipantau dari semasa ke semasa dan dikaji semula pada separuh penggal pelaksanaannya. PSP KKM 2021-2025 akan terus menjadi pemangkin kecemerlangan pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan kesihatan demi menjamin kesejahteraan rakyat.